

Penternakan Rusa di Felda Soeharto

Oleh: Nor Khairunnisa Mohamad Sahiful Nahar

HULU SELANGOR: Hasil cetusan idea seorang rakan baik menjadikan seorang peneroka Felda generasi kedua mengusahakan ternakan rusa sebagai sumber pendapatan sampingannya.

Rusa baka Timorensis dan Axis yang diusahakan Affendi Jailani, 42, akan ditambah dari semasa ke semasa. Menurutnya, rusa-rusanya ditenak secara berasingan mengikut baka kerana baka Axis lebih cantik dan manja berbanding baka Timorensis yang lebih lasak serta suka berkubang.



Ternakan rusa sebagai sumber pendapatan sampingan.

Katanya, untuk keselesaan haiwan ternakan yang semakin bertambah, beliau telah merancang untuk menambah dua kandang baharu yang akan dibina di kawasan berhampiran.

“Rusa mempunyai nilai tersendiri dan penjagaannya lebih mudah berbanding haiwan ternakan lain kerana tidak mudah diserang penyakit.

“Kos makanan juga tidaklah tinggi kerana saya memberikan rumput dan daun seperti pelepah kelapa sawit yang boleh didapati di sekitar kampung selain ‘pallet’ yang diberikan,” katanya.

“Nasihat saya kepada mereka yang ingin menceburi bidang ternakan rusa ini, perlulah ada minat, nawaitu yang betul dan kuat untuk menghadapi cabaran kerana cabaran akan tetap ada,” katanya lagi.



Ternakan rusa di ladang kelapa sawit milik Encik Affendi.

Bapa kepada enam orang anak ini memberitahu, setakat ini beliau masih tidak mempunyai perancangan untuk menjual rusa-rusanya kerana lebih cenderung untuk menambah bilangan rusa bagi mendapatkan bakanya.

Ternakan rusa di kawasan Felda ini diharapkan akan menjadi satu daya tarikan aktiviti dan hasil pendapatan sampingan kepada generasi kedua Felda.